

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang 1992/1993

April 1993

SAU302 - Penyelewengan dan Kawalan Sosial

Masa: (2 jam)

---

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi enam muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab semua (20) soalan di Bahagian A, TIGA (3) soalan di Bahagian B dan semua soalan-soalan pendik di Bahagian C.

Bahagian A (20 markah)

Soalan objektif.

1. Menurut Statistik dari Pusat Serenti, kebanyakkan jenis dadah yang digunakan oleh penagih dadah di Malaysia ialah:
  - (a) Poly Drugs
  - (b) Morphine
  - (c) Opium
  - (d) Heroin
2. Majoriti lebih daripada 50% banduan di Pusat Serenti adalah dari kaum:
  - (a) Cina
  - (b) Melayu
  - (c) India

... 2/-

3. Tempoh masa yang minima dan maxima racangan pemulihan dadah di Pusat Serenti ialah di antara
- (a) 1 tahun (minima), hingga 2 tahun (maxima)
  - (b) 1/2 tahun (minima), hingga 1 1/2 tahun (maxima)
  - (c) 1/3 tahun (minima), hingga 2 tahun (maxima)
  - (d) 1 tahun (minima), hingga 1 1/2 tahun (maxima)
4. Fasa-fasa pemulihan yang dilalui oleh banduan-banduan di Pusat Serenti adalah ditunjukkan oleh warna kolar baju mereka. Warna kolar putih menunjukkan fasa:
- (a) Pertengahan
  - (b) Akhir
  - (c) Permulaan
5. Menurut Encik Peter, lebih \_\_\_\_\_ daripada kes-kes jenayah juvana yang dilaporkan di Malaysia tertumpu di Kuala Lumpur:
- (a) 20%
  - (b) 30%
  - (c) 40%
  - (d) 50%
6. Menurut Encik Peter, kebanyakkan (60%) kes juvana yang dilaporkan di Malaysia terlibatkan kaum:
- (a) Cina
  - (b) Melayu
  - (c) India
7. Menurut Encik Peter, kebanyakkan (80%) kes pelacuran yang dilaporkan oleh pihak polis terlibatkan kaum:
- (a) Cina
  - (b) Melayu
  - (c) India
8. Menurut Encik Peter, 47% daripada kes penganiayaan kanak-kanak di kesan daripada keluarga-keluarga kelas pertengahan.
- (a) Benar
  - (b) Salah

9. Menurut Encik Peter, kebanyakkan (lebih daripada 60%) pengemis yang ditahan oleh pihak Kebajikan Sosial adalah berumur lebih daripada 60 tahunan.
- (a) Benar  
(b) Salah
10. Menurut Durkheim, anomie wujud bila perubahan sosial yang pesat menjadikan norma-norma tradisional kurang berkesan sebagai ikatan (bind) individu-individu kepada masyarakat.
- (a) Benar  
(b) Salah
11. Penyelewengan Primer adalah tingkahlaku penyelewangan yang wujud selepas digelar (label) sebagai penyeleweng.
- (a) Benar  
(b) Salah
12. Menurut Merton cara penyesuaian \_\_\_\_\_ terhadap Anomie yang kurang berlaku jika berbanding dengan cara-cara penyesuaian lain;
- (a) Innovasi  
(b) Ritualist  
(c) Pemberontakan (Rebellion)  
(d) Pemunduran Diri (Retreatist)
13. Menurut Reckless punca tekan-tekanan Sosial (Social Pressures) termasuk:
- (a) Kemiskinan  
(b) Pengangguran  
(c) Ketidaksamaan  
(d) Semua di atas adalah benar  
(e) b dan c di atas sahaja
14. Contoh "commitment" menurut Hirschi termasuklah kegiatan-kegiatan individu yang menabong wangnya untuk masa hadapan.
- (a) Benar  
(b) Salah

15. Menurut Cohen satu faktor penting dalam penjelasan tingkah laku penyelewengan khususnya tingkah laku Juvana ialah sejauh manakah sesuatu masyarakat atau kejiranan itu tersusun untuk didedahkan kepada peluang-peluang tidak sahih (legitimate) bagi pemuda-pemudanya.
- (a) Benar  
(b) Salah
16. Menurut Lombroso, faktor konflik kebudayaan adalah penting untuk menjelaskan kenapa fenomena penyelewengan berlaku.
- (a) Benar  
(b) Salah
17. "Saya tidak curi kereta dia, saya hanya pinjam kereta itu sementara sahaja." Ini merupakan teknik Neutralisasi (pengecualian) bercorak:
- (a) Menafikan Tanggungjawab (Denial of Responsibility)  
(b) Menafikan Kecederaan (Denial of Injury)  
(c) Menafikan Mangsa (Denial of Victim)
18. Menurut ahli Psikologi penyelewengan sosial, mereka yang mengalami masalah alkoholisme memperolehi ciri-ciri personaliti yang membezakan mereka dari orang biasa.
- (a) Benar  
(b) Salah
19. "Itu adalah satu kemalangan (accident). Saya tidak ada niat untuk buat jahat terhadapnya." Ini menunjukkan teknik neutralisasi (pengecualian) bercorak:
- (a) Menafikan tanggungjawab (Denial of Responsibility)  
(b) Menafikan Kecederaan (Denial of Injury)  
(c) Menafikan Mangsa (Denial of Victim)
20. Menurut Clinard, pendekatan Psikoanalisis bukan satu penjelasan saintifik.
- (a) Benar  
(b) Salah

**Bahagian B** (45 markah)

Jawab **TIGA** (3) soalan sahaja.

1. Apakah maksud penyelewengan sosial? Huraikan beberapa jenis penyelewengan yang dibincang dalam kursus ini dengan memberi contoh-contoh yang sesuai.
2. Bincangkan Teori Anomie dan Penyelewengan Sosial Merton. Huraikan cara-cara penyesuaian (adaptation) teori tersebut dengan memberi contoh-contoh yang relevan.
3. Jelaskan pendekatan teori gelaran (lebeling) penyelewengan sosial. Bezakan concept Penyelewangan Primer (Primary Deviance) dengan Penyelewangan Sekunder (Secondary Deviance).
4. Jelaskan penyelewengan sosial melalui teori kawalan sosial dengan menumpukan kepada sumbangan Reckless dan Hirschi.

**Bahagian C** (35 markah)

Jawab **semua** soalan.

1. Pilih satu jenis penyelewengan sosial yang anda telah kaji dalam kursus ini. Selepas itu jelaskan soalan-soalan berikut:
  - (a) Kenapakah fenomena tersebut adalah fenomena penyelewengan dalam konteks masyarakat Malaysia?
  - (b) Sejauhmanakah fenomena tersebut adalah satu masalah sosial di Malaysia?
  - (c) Nyatakan teori-teori utama yang boleh menjelaskan kenapa fenomena tersebut boleh berlaku di Malaysia.
  - (d) Apakah cara-cara kawalan sosial yang formal dan tidak formal bagi fenomena tersebut?



SAU302 - Penyelewengan dan Kawalan Sosial

Ikatkan kertas jawapan ini dengan buku-buku jawapan eseai.

	a	b	c	d	e
1.	( )	( )	( )	( )	( )
2.	( )	( )	( )	( )	( )
3.	( )	( )	( )	( )	( )
4.	( )	( )	( )	( )	( )
5.	( )	( )	( )	( )	( )
6.	( )	( )	( )	( )	( )
7.	( )	( )	( )	( )	( )
8.	( )	( )	( )	( )	( )
9.	( )	( )	( )	( )	( )
10.	( )	( )	( )	( )	( )
11.	( )	( )	( )	( )	( )
12.	( )	( )	( )	( )	( )
13.	( )	( )	( )	( )	( )
14.	( )	( )	( )	( )	( )
15.	( )	( )	( )	( )	( )
16.	( )	( )	( )	( )	( )
17.	( )	( )	( )	( )	( )
18.	( )	( )	( )	( )	( )
19.	( )	( )	( )	( )	( )
20.	( )	( )	( )	( )	( )